



LKIM

**BORANG SEBUTHARGA BEKALAN/PERKHIDMATAN  
SEBUTHARGA BIL. (LKIM:S26/2020)**

Pengarah  
Bahagian Kewangan dan Akaun  
Aras Bawah, Wisma LKIM,  
Jalan Desaria, Pulau Meranti,  
47120 Puchong, Selangor.

Tuan,

**TAWARAN SEBUT HARGA BAGI JUALAN SISA 43 UNIT ASET ALIH DI KILANG KEROPOK  
MODEN BESUT (KKMB), NEGERI TERENGGANU (TANPA HARGA LANTAI) (LKIM:S26/2020)  
-PELAWAAN SEMULA**

Merujuk perkara di atas, saya / syarikat berminat menyertai sebut harga tersebut. Saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk membeli jualan sisa 43 unit aset alih Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia tersebut dengan harga sebanyak Ringgit Malaysia:

.....  
..... (RM).....).

2. Saya/ syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang di tetapkan. Tempoh mengambil barang jualan sisa 43 unit Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia ialah **2 minggu dari surat tawaran dikeluarkan dan setelah pembayaran dibuat.**

Bertarikh pada ..... haribulan ..... 2020.

.....

**Tandatangan Kontraktor**

**Tandatangan Saksi**

Nama  
Penuh: \_\_\_\_\_

Nama  
Penuh: \_\_\_\_\_

No.K/P: \_\_\_\_\_

No.K/P: \_\_\_\_\_

Alamat: \_\_\_\_\_

Alamat: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Atas sifat: .....

.....

Meterai atau Cap Kontraktor

**MUSTAHAK –**  
**SYARAT – SYARAT AM**

Sebut harga adalah dipelawa secara terbuka kepada penyebut harga yang berdaftar di bawah Kod Bidang pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia 221902 (membeli barang-barang lusuh dengan permit) dan masih sah pendaftarannya pada tarikh tutup untuk menyertai **TAWARAN SEBUT HARGA BAGI JUALAN SISA 43 UNIT ASET ALIH DI KILANG KEROPOK MODEN BESUT (KKMB), NEGERI TERENGGANU (TANPA HARGA LANTAI) (LKIM:S26/2020) -PELAWAAN SEMULA**

1. **KEADAAN BARANG**

Barang adalah dijual sepertimana keadaan barang berada sekarang (*as-is-where-is basic*)

2. **HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah bersih termasuk semua perbelanjaan dan pengangkutan yang berkaitan

3. **KOS-KOS LAIN**

Semua perbelanjaan berkaitan pembelian barang seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah di tanggung oleh penyebut harga sendiri.

4. **TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

5. **HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA**

LKIM adalah berhak tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga Peringkat Ibupejabat LKIM adalah muktamad.

6. **PENYERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

- a. Tarikh Pelawaan dan Borang Sebut Harga dibuka Pada **26 November 2020 (KHAMIS)** di portal rasmi LKIM <https://www.lkim.gov.my>
- b. Penyebut harga **WAJIB** mengemukakan salinan **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) (Kod Bidang 221902)** bersama **Borang Sebut Harga yang telah bertandatangan.**

c. Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebut Harga **LKIM:S26/2020-PELAWAAN SEMULA** serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada atau sebelum **10 Disember 2020 (KHAMIS)** tidak lewat jam 12.00 tengahari.

d. Semua dokumen sebut harga hendaklah sampai di alamat seperti dibawah:

**BAHAGIAN KEWANGAN DAN AKAUN  
ARAS BAWAH WISMA LKIM  
JALAN DESARIA, PULAU MERANTI,  
47120 PUCHONG, SELANGOR.**

e. Jika dokumen sebut harga tidak diserahkan dengan tangan, penyebut harga hendaklah menghantar dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan tempat yang ditetapkan.

f. Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

## 7. BAYARAN DEPOSIT

Deposit sebut harga sebanyak **5%** daripada harga tawaran tertakluk kepada maksimum RM5,000 **hendaklah disertakan bersama tawaran** dan diuruskan seperti berikut:-

- a. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk **Kiriman Wang/Draf Bank** atas nama **LKIM KUMPULAN WANG MENGURUS**.
- b. Deposit sebut harga bagi penyebut harga yang berjaya akan diselaraskan dengan harga jualan Aset Alih.
- c. Bagi penyebut harga yang menyertai tawaran tetapi tidak berjaya, deposit akan dikembalikan setelah keputusan sebut harga diperoleh dan penyebut harga yang berjaya membayar sepenuhnya harga jualan Aset Alih tersebut.
- d. Jika penyebut harga enggan mengambil Aset Alih selepas sebut harganya disetujui terima atau menarik balik sebut harganya sebelum keputusan dibuat, maka deposit sebut harganya tidak akan dikembalikan.

## 8. TEMPOH BAYARAN PENUH

Penyebutharga yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh **empat (4) minggu dari tarikh surat tawaran dikeluarkan**. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebutharga tidak akan dikembalikan.

## 9. TEMPOH MENGAMBIL ASET ALIH

Penyebutharga yang Berjaya hendaklah **mengambil Aset Alih dalam tempoh dua (2) minggu setelah pembayaran penuh dijelaskan**. Jika tidak mengambil dalam tempoh tersebut, bayaran tidak akan dikembalikan dan tawaran adalah dianggap batal.